

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN**  
**JUSOH**  
**KAWASAN** : **SETIU**  
**TARIKH** : **28 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **17**

**SOALAN**

Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pencapaian kejayaan Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam membawa masuk pelabur-pelabur asing ke negara ini daripada segi jumlah pelaburan serta sektor industri yang menerima impak positif daripada pelaburan tersebut bermula dari tahun 2009 hingga terkini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang diketahui umum, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Ini dapat dilihat melalui keterbukaan dan usaha berterusan Kerajaan dalam meraih pelaburan asing yang berkualiti di mana ianya akan memanfaatkan rakyat melalui limpahan ekonomi dan juga pewujudan peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi.

Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh Kerajaan sebanyak RM460.3 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak iaitu bagi tempoh 2009 hingga 2017.

Dalam tempoh tersebut, sektor perkilangan menyumbang jumlah kelulusan pelaburan asing yang tertinggi sebanyak RM247.3 bilion yang merangkumi 53.7% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan, diikuti sektor perkhidmatan iaitu RM143.9 bilion (31.3%) dan sektor utama iaitu RM69.1 bilion (15%).

Dalam sektor perkilangan, sub-sektor tertinggi yang menyumbang jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh 2009 hingga 2017 adalah seperti berikut:

- i. Elektronik dan elektrik sebanyak RM81 bilion;
- ii. Kimia dan produk kimia (RM34.1 bilion);
- iii. Produk logam asas (RM26.9 bilion);
- iv. Produk mineral bukan logam (RM20.3 bilion); dan
- v. Produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM19.7 bilion).

Strategi pelaburan yang pragmatik juga diamalkan oleh Kerajaan, di mana sumber-sumber pelaburan asing baharu sentiasa diterokai sementara sumber-sumber pelaburan asing tradisi terus dikekalkan. Hasil usaha berterusan Kerajaan kini telah menjadikan Malaysia sebagai lokasi kepada hampir 3,000 syarikat asing daripada lebih 40 buah negara. Berdasarkan perangkaan Jabatan Statistik Malaysia, syarikat-syarikat asing di Malaysia menyumbang kepada lebih RM290 bilion setahun kepada eksport negara selain menyediakan pekerjaan kepada lebih 800,000 orang pada tahun 2016.